



MODUL  
FALSAFAH  
— DAN —  
ISU  
SEMASA

Penyelenggara  
NOOR HISHAM MD NAWI

Hak Cipta PENERBIT UMK, 2020

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.

Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Penerbit Eksekutif: Azman Hashim. Editor Naskhah: Amirul Firdaus Zilah, Raihana Sulaiman, Pengarah Seni: Yusroyka Karim. Pereka: Fatinah Ilias. Pembantu Teknikal: Siti Asma Mohd Rozid.

Diterbitkan oleh:  
Penerbit UMK  
Universiti Malaysia Kelantan  
Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu  
Karung Berkunci 36, Pengkalan Chepa,  
16100 Kota Bharu,  
Kelantan  
(Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM))  
(Ahli Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) No. Keahlian : 201903)

Dicetak oleh:

## KANDUNGAN

---

Senarai Penyumbang Bab	vi
Prakata	vii
<b>BAB 1 PENGENALAN</b> <i>Noor Hisham Md Nawi</i>	1
<b>BAB 2 FALSAFAH DALAM KEHIDUPAN</b> <i>Asma' Lailee Mohd Noor &amp; Nur Azuki Yusoff</i>	11
<b>BAB 3 LOGIK DAN FALSAFAH</b> <i>Mohd Kamil Ahmad &amp; Nurul Iman Mohd Zain</i>	23
<b>BAB 4 FALASI DALAM BERFIKIR</b> <i>Mohd Kamil Ahmad &amp; Nurul Iman Mohd Zain</i>	33
<b>BAB 5 PSIKOLOGI DAN SOSIOLOGI (KONSEP INSAN I)</b> <i>Nik Yusri Musa &amp; Azman Bidin</i>	41
<b>BAB 6 METAFIZIK (KONSEP INSAN II)</b> <i>Azman Bidin &amp; Nik Yusri Musa</i>	53
<b>BAB 7 EPISTEMOLOGI</b> <i>Mohd Kamil Ahmad &amp; Nurul Iman Mohd Zain</i>	63
<b>BAB 8 IDEOLOGI RELATIVISME PASCAMODEN</b> <i>Marwan Ismail</i>	77
<b>BAB 9 DEKOLONISASI</b> <i>Burhan Che Daud</i>	87
<b>BAB 10 KAJIAN KES TERPILIH</b> <i>Noor Hisham Md Nawi</i>	97
<b>BAB 11 RUMUSAN DAN PENUTUP</b> <i>Noor Hisham Md Nawi</i>	107
<b>Glosari</b>	111
<b>Indeks</b>	115
<b>Biodata Penyelenggara</b>	117

## SENARAI PENYUMBANG BAB

---

**Noor Hisham Md Nawi**

Pensyarah Kanan  
Pusat Bahasa dan Pengajian  
Insaniah  
Universiti Malaysia Kelantan  
(UMK)

**Asma' Lailee Mohd Noor**

Pensyarah Kanan  
Pusat Bahasa dan Pengajian  
Insaniah  
Universiti Malaysia Kelantan  
(UMK)

**Nur Azuki Yusoff**

Pensyarah Kanan  
Pusat Bahasa dan Pengajian  
Insaniah  
Universiti Malaysia Kelantan  
(UMK)

**Mohd Kamil Ahmad**

Pensyarah Kanan  
Pusat Bahasa dan Pengajian  
Insaniah  
Universiti Malaysia Kelantan  
(UMK)

**Nurul Iman Mohd Zain**

Pensyarah Kanan  
Pusat Bahasa dan Pengajian  
Insaniah  
Universiti Malaysia Kelantan  
(UMK)

**Nik Yusri Musa**

Pensyarah Kanan  
Pusat Bahasa dan Pengajian  
Insaniah  
Universiti Malaysia Kelantan  
(UMK)

**Azman Bidin**

Pensyarah Kanan  
Pusat Bahasa dan Pengajian  
Insaniah  
Universiti Malaysia Kelantan  
(UMK)

**Marwan Ismail**

Pensyarah Kanan  
Pusat Bahasa dan Pengajian  
Insaniah  
Universiti Malaysia Kelantan  
(UMK)

**Burhan Che Daud**

Pensyarah Kanan  
Pusat Bahasa dan Pengajian  
Insaniah  
Universiti Malaysia Kelantan  
(UMK)

## **BAB 4**

### **FALASI DALAM BERFIKIR**

*Mohd Kamil Ahmad & Nurul Iman Mohd Zain*

---

#### **HASIL PEMBELAJARAN**

- Menjelaskan pelbagai jenis kesalahan biasa dalam berfikir dan penghujahan atau falasi.
- Menjelaskan kepentingan perbahasan falasi dalam menilai hujah dan cara berfikir.
- Membezakan antara falasi formal dan tidak formal dalam pelbagai situasi.
- Menerangkan kepelbagaian bentuk falasi yang sering menjadi kesilapan biasa dalam cara berfikir seharian.

## **PENDAHULUAN**

Bab ini membincangkan pelbagai bentuk kesalahan dalam aktiviti berfikir dan berhujah. Mungkin ramai yang bertanya mengapa mempelajari kesalahan berfikir atau falasi itu penting. Adakah tidak cukup dengan mempelajari kaedah dan syarat-syarat berfikir yang betul, kita akan terhindar daripada kesalahan berfikir dan berhujah?

## **KEPENTINGAN PERBAHASAN FALASI**

Dalam realiti harian, penilaian hujah yang benar atau salah tidak semudah dengan hanya menilai kebenaran premis dan kesahihan susunannya. Hujah yang dihadapi tidak selalunya ringkas dan jelas. Sebaliknya, ia mungkin hadir bercampur malah bersebuti dengan pelbagai unsur seperti bahasa, emosi, budaya dan lain-lain yang boleh menjadikan unsur falasi tersembunyi di dalamnya terutama bagi orang awam.

Perbincangan falasi mengajar kita lebih daripada sekadar tahu kaedah menyusun premis-premis yang benar untuk sampai kepada natijah yang benar sahaja. Bahkan ia berfungsi umpama mesin x-ray yang menyuluh dan menampakkan kesalahan berfikir yang terselindung di sebalik hujah yang dikemukakan. Dalam membina kemampuan untuk membezakan di antara hujah yang benar dan salah, mengetahui syarat-syarat hujah yang benar sahaja selalunya tidak cukup, bahkan perlu juga difahami perbincangan falasi supaya kebenaran dapat dibezakan dengan lebih jelas dan yakin.

Selain itu, perbincangan falasi juga mengajar kita supaya lebih berhati-hati apabila terlibat dalam sesuatu perdebatan agar tidak terperangkap dengan helah dan tipu daya pihak lawan yang menggunakan hujah-hujah yang salah dan palsu.

## **DEFINISI FALASI**

Falasi boleh ditakrifkan sebagai kesalahan dalam berfikir yang menyebabkan hujahan palsu dan mengelirukan diterima sebagai sah

dan benar (Sariyan, 2007). Falasi berasal daripada perkataan *fallo* yang bermaksud “saya menipu”. Hujahan yang pada sekali imbas nampak benar dan sah, tetapi sebenarnya tidak, kerana sama ada kesimpulannya nampak sah tetapi hakikatnya tidak sah, atau pun premis-premisnya nampak benar tetapi hakikatnya tidak benar. Oleh itu, falasi boleh dijelaskan sebagai bentuk hujahan yang nampak betul, tetapi setelah diperiksa terbukti tidak betul dan tidak sah. Oleh kerana itu, hujahan falasi boleh mengelirukan.

## JENIS-JENIS FALASI

Secara umumnya, terdapat dua jenis falasi iaitu falasi formal dan falasi tidak formal.

### Falasi Formal

Falasi formal adalah hujah yang diasaskan dari struktur atau bentuk susunan premis yang tidak sah (Van Cleave, 2016). Falasi jenis ini boleh dikenal pasti dengan hanya melihat kepada struktur penghujahan tanpa perlu terlebih dahulu berusaha memahami konsep dan kandungan hujahan. Bentuk susunan premis yang sah dan betul adalah syarat untuk mengeluarkan hujah yang benar dan sah sebagaimana yang telah dijelaskan dalam kaedah berfikir deduktif. Struktur yang salah akan menyebabkan ketidakseimbangan antara premis hujah dengan natijah yang dikeluarkan. Ini bermakna premis-premis yang disusun dalam sesebuah penghujahan tidak akan menghasilkan kesimpulan yang sah dan benar.

	Hujah	Hukum
Premis 1	Semua kucing adalah binatang	Benar
Premis 2	Semua anjing ialah binatang	Benar
Natijah	Maka, semua kucing ialah anjing	Tidak benar

Di dalam contoh ini, dapat dilihat bahawa premis-premis yang dibawa walaupun benar tidak menatijahkan kesimpulan yang benar kerana struktur yang digunakan adalah tidak benar.

### **Falasi Tidak Formal**

Terdapat banyak hujah yang meskipun dari sudut formal adalah sah kerana patuh kepada struktur penghujahan yang betul, namun ia tetap dikategorikan sebagai hujah falasi. Falasi tidak formal adalah kelemahan atau kesalahan yang terdapat dalam suatu hujah tetapi tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan kaedah atau struktur hujah itu. Falasi ini tidak dapat dikesan dengan mudah tanpa memahami konsep-konsep yang terlibat dalam penghujahan yang dilakukan (Van Cleave, 2016). Terdapat banyak jenis falasi tidak formal. Dalam modul ini, fokus hanya diberikan kepada beberapa jenis falasi penting yang biasa menjadi kesilapan dalam kehidupan seharian.

#### ***Generalisasi yang terburu-buru (hasty generalization)***

Falasi ini berlaku apabila seseorang melihat satu fenomena dan menganggapnya sebagai bukti yang cukup untuk menghukumnya sebagai satu fenomena yang umum.

Misalnya: Ahmad memiliki kereta Proton. Sepanjang tahun pertama, kereta itu telah rosak beberapa kali. Ahmad membuat kesimpulan bahawa semua kereta Proton tiada kualiti. Ini adalah kaedah berfikir yang silap kerana kesimpulan umum yang dibuat hanya berdasarkan satu pembuktian sahaja.

#### ***Falasi serangan peribadi (ad hominem)***

Kesilapan berfikir dengan menolak atau menentang pendapat seseorang kerana kekurangan peribadi individu tersebut tanpa menilai hujah yang dikemukakan. Dalam erti kata lain, serangan dilakukan ke atas peribadi individu dan bukannya hujah yang dikemukakan.



Contohnya:

“Awak pelajar junior, saya lebih senior. Maka awak tidak berhak menasihati saya”.

### ***Falasi orang-orang (Strawman Fallacy)***

Apabila lawan memberi hujah yang kuat dan sukar untuk ditolak, antara cara untuk menolak hujah ini ialah dengan memberi tafsiran yang terpesong kepada hujah tersebut supaya ia lebih mudah dipatahkan. Hujah terpesong ini kemudian dijadikan sasaran bagi menampakkan seolah-olah hujahan balas ditujukan kepada hujah asal, tetapi sebenarnya tidak. Apabila seseorang sengaja mentafsirkan hujahan lawan dengan makna yang silap dengan tujuan supaya ia lebih mudah ditolak, dia telah melakukan falasi *strawman*.

Misalnya, perhatikan dialog antara Sally dan Bob.

Sally : “Pengguguran adalah salah, kerana salah untuk kita membunuh nyawa yang tidak berdosa. Fetus adalah nyawa yang tidak berdosa, justeru pengguguran adalah salah dari segi moral”.

Bob : “Tindakan menggugurkan bayi adalah tidak salah. Mereka yang mengatakan atau berfikir bahawa pengguguran adalah salah adalah golongan ekstremis yang cuba memaksa pemikiran sempit mereka ke atas orang lain”.

Bob telah melakukan falasi *strawman* dengan memesongkan hujah yang menentang pengguguran sebagai fahaman ekstremis.

### ***Falasi pemesanan (Red Herring)***

Falasi jenis ini adalah dengan mengemukakan pandangan yang tidak relevan dengan isu yang diperkatakan. Tujuannya adalah untuk memesongkan pernyataan asal hujahan dan secara langsung memberikan implikasi terhadap isu yang diperkatakan. Ia juga turut mengakibatkan pernyataan-pernyataan di dalam sesuatu isu itu terkeluar daripada apa yang cuba diketengahkan di awal hujahan.

Contohnya:

“Merokok boleh membawa maut” (hujah asal).

“Orang yang tidak merokok pun boleh mati juga!” (hujah yang dipesongkan).

***Kesilapan memahami hubungan sebab dan akibat (faulty cause & effect)***

Falasi jenis ini berlaku apabila kita mengandaikan bahawa dua fenomena yang dilihat saling berturutan mempunyai hubungan sebab dan akibat antara satu sama lain. Oleh kerana B hadir selepas A, maka A adalah sebab kepada B, tetapi sebenarnya tidak.

Contohnya: Setiap kali katak berbunyi, hujan akan turun selepas itu.

Kesimpulannya, bunyi katak menyebabkan hujan turun. Cara berfikir ini silap kerana hujan boleh turun walaupun tiada bunyi katak. Untuk mengelakkan falasi jenis ini, kita perlu lihat dengan teliti hubungan antara A dan B. Adakah wujud hubungan sebab akibat antara kedua-duanya atau apa yang berlaku hanyalah kebetulan.

***Falasi menagih simpati (appeal to emotion)***

Hujahan jenis ini bukan berasaskan hujah logik, tetapi untuk mendapat simpati pihak lain. Contohnya, seseorang yang bersalah dipertahankan semata-mata kerana ia sudah tua atau kerana ia anak yatim piatu.

***Falasi rujukan kepada autoriti (appeal to authority/halo effect)***

Hujahan yang tidak didasarkan kepada pemikiran logik, tetapi disandarkan pada kuasa atau pengaruh pihak tertentu. Contohnya, apabila orang yang berkuasa atau berpengaruh membuat sesuatu, maka diandaikan bahawa semua tindakannya adalah betul.

## **PENUTUP**

Bab ini berusaha mengajak pelajar untuk memahami cara dan kaedah berfikir dengan betul dan benar melalui ilmu logik. Pendekatan ini akan menjadikan pelajar berkebolehan menilai sesuatu hujah, pendapat, dan penjelasan yang disampaikan oleh pihak lain sama ada benar atau tidak benar, sah atau tidak sah. Melalui pendekatan ini juga, pelajar boleh mengelak daripada perangkap-perangkap berfikir yang boleh mengelirukan dan menyesatkan melalui pendedahan tentang falasi. Terdapat pelbagai lagi jenis falasi dan kesilapan berfikir yang tidak disebut di sini, namun boleh didapati perbincangannya di dalam buku-buku berkaitan logik.

## **LATIHAN**

Nilai contoh-contoh hujahan di bawah. Kemudian tentukan jenis falasi yang berlaku sama ada formal atau tidak formal serta jelaskan sebab.

1. Ahli-ahli falsafah Yunani terkenal sebagai pengamal homoseksual. Jadi, teori mereka bahawa alam semesta ini terbina daripada atom-atom sepatutnya ditolak.
2. Jika dolfin adalah mamalia, maka ia bukan sejenis ikan. Dolfin adalah sejenis ikan. Jadi, dolfin bukan mamalia.
3. Kita tidak nampak walau seekor pun burung di kawasan ini. Jadi, pasti tiada burung yang hidup di sini.
4. Jika dia tidak bersalah, dia pasti bertegas menyatakan bahawa dia tidak bersalah. Nampaknya dia bertegas menyatakan bahawa dia tidak bersalah. Jadi, memang dia tidak bersalah.
5. “Jika kamu tidak bersetuju dengan saya, kamu akan dipukul”.
6. Setiap hari media massa melaporkan remaja yang terlibat dengan masalah jenayah. Jadi, nampaknya semua remaja mempunyai masalah moral.

## RUJUKAN

- Adil Mustafa (2007). *Al-Mughalatat al-Mantiqiyah*. Kaherah: Al-Majlis al-A'la li al-Thaqafah.
- Hales, Steven D. (2013). *This is Philosophy*. UK: John Wiley and Sons Inc.
- Hamidah Abdul Hamid (1991). *Pengantar Logik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim bin Haji Musa (2001). *Falsafah, Logik, Teori Nilai dan Etika Melayu: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Lok Chong Hoe (2014). *Teknik-Teknik Penaakulan*. USM: Penerbit USM.
- Mohd. Azhar Abdul Hamid (2007). *Meningkatkan Daya Fikir*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Sariyan, Awang (2007). *Falsafah dan Logika Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Solomon, Robert C. dan Higgins, Kathleen M. (2010). *The Big Questions: A Short Introduction to Philosophy*. Austin: Wadsworth CENGAGE Learning.
- Van Cleave, Matthew J. (2016). *Introduction to Logic and Critical Thinking*. Lansing Community College.

## **BAB 5**

### **PSIKOLOGI DAN SOSIOLOGI (KONSEP INSAN I)**

*Nik Yusri Musa & Azman Bidin*

---

#### **HASIL PEMBELAJARAN**

- Menjelaskan konsep manusia menurut perspektif aliran pemikiran falsafah dan keagamaan.
- Menjelaskan faham-faham utama tentang asal usul insan dan konsep-konsep utama yang mencirikan keinsanan.
- Menghuraikan asal usul kejadian, sifat fitrah semulajadi serta peranan manusia sebagai panduan ke arah pembentukan pandangan alam yang jelas dan sepadu dengan sistem pendidikan negara.
- Menghubunkaitkan antara konsep manusia menurut pemahaman yang jelas dengan pembentukan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

## **PENDAHULUAN**

Bab ini akan menghuraikan konsep manusia menurut perspektif falsafah, agama dan sains. Sepanjang sejarah peradaban dan ketamadunan manusia, terdapat pelbagai aliran pemikiran falsafah serta kepercayaan mengenai konsep manusia. Kepelbagaian tersebut berteraskan kepada kerangka pemikiran yang terhasil daripada penelitian, pengalaman dan pemahaman individu yang mempelopori aliran pemikiran pada zamannya. Pemahaman dan pemikiran yang jelas mengenai konsep manusia yang merangkumi asal usul kejadian, entiti yang membentuk manusia, tugas dan peranan manusia adalah amat penting bagi memahami makna kehidupan itu sendiri.

## **KONSEP MANUSIA DALAM KEPELBAGAIAN FALSAFAH**

Perbincangan mengenai manusia menjadi fokus utama dalam bidang falsafah. Konsep manusia dipelopori oleh ahli falsafah dalam usaha mencari makna diri demi mencapai kebahagiaan dan kesejahteraan hidup. Justeru para failasuf sama ada Barat atau Timur mempunyai falsafah tersendiri mengenai manusia hasil daripada penelitian mereka terhadap pengalaman dan kehidupan manusia.

## **KONSEP MANUSIA MENURUT ALIRAN PEMIKIRAN FALSAFAH BARAT**

Barat melalui tiga zaman iaitu zaman klasik (peradaban Yunani), zaman pertengahan (penguasaan gereja Romawi (474-1492M) dan zaman moden yang ditandai dengan kemunculan gerakan Renaissance. Pada zaman klasik, terdapat beberapa ahli falsafah yang membicarakan mengenai konsep manusia. Aristotle (384SM-322SM) umpamanya melihat manusia sebagai makhluk atau kehidupan yang berfikir, '*Man is a rational animal*'. Pemikiran rasional merupakan ciri utama pengenalan sebagai manusia. Kebolehan berfikir secara